



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARAF/JENIS SYARIKAT	SYARAT PENDAFTARAN, GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH TENDER DITUTUP
No. Tender: MOA/BPSP(PEKAN)/04/2020(T) MEMBINA DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR PENGALIRAN DAN SALIRAN SERTA KERJA LAIN BERKAITAN DI SKIM PENGALIRAN PAYA PAHANG TUA/ LANGGAR KAWASAN IADA PEKAN, PAHANG (FASA II)	RM800.00 (Tidak akan Dikembalikan)	Bahagian Pembangunan Aras 12, Menara, 4G1, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya Malaysia Isnin, 9 Mac 2020 hingga Isnin, 23 Mac 2020 Isnin - Khamis: 9.00 pg - 12.30 tgh 2.30 ptg - 4.30 ptg Jumaat: 9.00 pg - 12.00 tgh 3.00 ptg - 4.30 ptg	T1 Bumiputera/ Syarikat 100% Milik Tempatan	CIDB Gred G6 Kategori CE Pengkhususan CE06, CE21 dan CE36	Selasa, 25 Februari 2020 Jam 11.00 Pagi Berkumpul di Pejabat Pengarah, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Kompleks Perkhidmatan Pertanian Tanah Putih, 26600 Pekan, Pahang Lawatan Tapak adalah WAJIB dan hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan hadir dan sila bawa sijil asal SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).	Bahagian Pengaliran dan Saliran Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Aras 2, Galeria Putrajaya, Jalan P4 W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Isnin, 30 Mac 2020 pada jam 12.00 tengah hari Tender yang lewat tidak akan diterima

* **Petender yang mempunyai pengkhususan CE06, CE21 dan CE36 sahaja yang dibenarkan untuk menyertai tender ini.**

** **Kebenaran Khas daripada CIDB bagi Petender yang tidak mempunyai pengkhususan untuk memasuki tender adalah TIDAK DIBENARKAN.**

*** **Petender yang tiada pengkhususan seperti yang diiklankan tidak akan didaftarkan semasa lawatan tapak.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat dokumen dijual semasa waktu pejabat.

Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf/ Wang Pos** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** (Bayaran ini tidak akan dikembalikan). Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada penama/wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, penama/wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera** dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender serta **satu Salinan Kad Pengenalan**.

Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri serta **ditulis nombor rujukan tender** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-



Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
Bahagian Pengaliran dan Saliran Pertanian
Aras 2, Galeria Putrajaya
Jalan P4 W, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya